



فجیابة ستیاوسها كراجان ترغنگانو

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU
(PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)
TINGKAT 8, WISMA DARUL IMAN,
20503 KUALA TERENGGANU.

Telefon : 09-6231957

Faks : 09-6267484

Emel : hr@terengganu.gov.my

السلام علیکم

SURAT KITA : SUK.TR.880/197/13 Jld.4-(17)
BERTARIKH : 20 Disember 2015
BERSAMAAN : 08 Rabiul Awal 1437

Semua Ketua Jabatan Negeri Terengganu
Semua Ketua Jabatan Badan Berkanun Negeri Terengganu
Semua Ketua Jabatan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu

Tuan,

**PEKELILING PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN TERENGGANU
BIL. 14 TAHUN 2015**

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2015
PEMBERIAN KHAS TAHUN 2015**

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas dan memaklumkan Pentadbiran Negeri bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Bil. 10 Tahun 2015 berhubung Pemberian Khas Tahun 2015.

2. Pekeliling ini dipersetujui diterima pakai diseluruh Jabatan Negeri dan dipanjangkan pemakaiannya kepada semua Badan Berkanun Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan juga dibayar kepada kakitangan seperti berikut :-

- i) Pegawai dan kakitangan Pentadbiran yang bertugas di Pejabat Perhubungan dan Komunikasi secara sepenuh masa;
- ii) Pegawai Khas kepada Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Negeri;
- iii) Pegawai dan kakitangan Pentadbiran yang bertugas di Unit Penyelidikan, Pejabat Menteri Besar secara sepenuh masa;
- iv) Pegawai dan kakitangan yang bertugas di bawah Pentadbiran Pejabat Agensi Transformasi Rakyat (ATRA);
- v) Pegawai yang bertugas di Pusat Khidmat Masyarakat secara Ad-Hoc (Pegawai Khas dan Pembantu Tadbir ADUN);

...2/-

“Kesempurnaan Kerja Tanggungjawab Kami”



- vi) Pegawai dan kakitangan Pentadbiran yang bertugas di Pusat Penerangan Pelancongan (TIC) Negeri Terengganu;
- vii) Pegawai dan kakitangan Pentadbiran yang bertugas di Unit Pembangunan Kebudayaan, Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) Negeri;
- viii) Pegawai dan kakitangan Pentadbiran yang bertugas di SUKTRA, Pengurusan Kompleks Sukan (contract for service) dan lain-lain agensi di bawah Kerajaan Negeri.

3. Untuk mendapatkan keterangan lanjut berhubung pekeliling berkenaan, sila lawati laman web Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.

Sekian, terima kasih.

- TRANSFORMASI TERENGGANU BAHARU -

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,


(**DATUK TENGKU FAROK HUSSIN BIN TG. ABD. JALIL**)
Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan
(Pengurusan Sumber Manusia)
b.p. Setiausaha Kerajaan,
Terengganu.

Edaran Dalaman :

Perpustakaan, Pej. SUK. Trg.
Semua PKSU (PSM), Pej. SUK. Trg.
PSU (PSM), Pej. SUK. Trg.
Semua PPT (PSM), Pej. SUK. Trg.
Semua KPT (PSM), Pej. SUK. Trg.
Folder Pekeliling.
Fail Timbul.